



Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak

*Kompleks Mahkamah Kuching,
Jalan Gersik, 93050 Petra Jaya,
Kuching, Sarawak.*

*Tele/on 082-31/ 373
Kawat REGCOURT
No. Faks 082-311575*

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: (57) dim. JUD/134/Jld.5

Tarikh: 23 Ogos, 2013

Hakim, Mahkamah Sesyen,
Sabah dan Sarawak.

Timbalan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak.

Majistret,
Sabah dan Sarawak.

Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak.

Tuan/Puan,

PEKELILING PENDARTAR BIL. 4 TAHUN 2013

**ARAHAN BERKENAAN PROSES MEDIASI APABILA PERBICARAAN KES
TELAH BERMULA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman tuan/puan pejabat ini telah menerima beberapa aduan di mana YA Hakim/Pegawai Kehakiman yang telah mengarahkan pihak-pihak dalam kes-kes sivil untuk menyelesaikan pertikaian melalui proses mediasi di hadapan YA Hakim/Pegawai Kehakiman itu sendiri selepas perbicaraan sesuatu kes bermula.

3. Amalan ini telah menimbulkan rasa kurang senang di kalangan para peguam kerana:

- a. anak guam mereka akan merujuk arahan mahkamah tersebut kepada mereka terutamanya untuk mendapat penjelasan mengenai pendirian mahkamah dalam kes tersebut;
- b. pihak-pihak dalam pertikaian akan beranggapan yang pegawai kehakiman malas untuk mendengar perbicaraan dan mereka mungkin merasa terkilang sekiranya arahan tersebut tidak dipatuhi;

- c. pihak-pihak dalam pertikaian akan beranggapan yang pegawai kehakiman akan berlaku 'bias' terhadap mereka sekiranya mereka enggan mematuhi arahan mahkamah;

4. Sehubungan itu YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak telah mengarahkan amalan di atas diberhentikan dan perkara-perkara berikut dipatuhi sekiranya terdapat kemungkinan penyelesaian mana-mana kes setelah perbicaraan kes bermula di hadapan YA Hakim/Pegawai Kehakiman:

- a. Sekiranya perbicaraan telah bermula ianya hendaklah diteruskan sehingga selesai;
- b. Sekiranya tuan/puan berpendapat terdapat kemungkinan kes tersebut diselesaikan tanpa perlu melalui perbicaraan penuh, tuan/puan perlu berkomunikasi dengan peguam yang mewakili mana-mana pihak-pihak dan bukannya secara langsung kepada pihak-pihak.;
- c. Sekiranya terdapat keperluan untuk menjalankan proses mediasi, ianya hendaklah dilakukan oleh mana-mana YA Hakim/Pegawai Kehakiman selain dari YA Hakim/Pegawai Kehakiman yang mendengar kes tersebut.

5. Waiuu bagaimanapun mana-mana proses 'Alternative Dispute Resolution' termasuk mediasi hendaklah diselesaikan sebelum perbicaraan kes-kes tersebut bermula terutamanya di peringkat pengurusan kes

6. Arahan ini **berkuatkuasa sertamerta**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(AZHAHARI KAMAL BIN RAMLI)

Pendaftar,

Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak.